



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PENERIMAAN KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA DALAM KALANGAN MAHASISWA DI UNIVERSITI MALAYA

THE ACCEPTANCE OF PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES COURSE AMONG STUDENTS AT THE UNIVERSITI MALAYA

Faezah Kassim¹, Mohd Rahimi Ramli^{2*}, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis³, Irene Yong Seok Ching⁴, Noor Ain Mat Nor⁵, Fatimi Hanafi⁶

¹ Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

Email: faezahkassim@um.edu.my

² Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Malaysia

Email: rahimiramli@umpsa.edu.my

³ Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia

Email: shamshinor@um.edu.my

⁴ Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia

Email: ireneching2017@um.edu.my

⁵ Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia

Email: noorain277@um.edu.my

⁶ Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

Email: fatimi@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2024

Revised date: 14.11.2024

Accepted date: 15.12.2024

Published date: 18.12.2024

To cite this document:

Kassim, F., Ramli, M. R., Azzis, M. S. A., Ching, I. Y. S., Mat Nor, N. A., & Hanafi, F. (2024). Penerimaan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Dalam Kalangan Mahasiswa Di Universiti Malaya . *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 388-402.

DOI: 10.35631/IJEPC.956025

Abstrak:

Kursus Falsafah dan Isu Semasa yang ditawarkan di Universiti Malaya merupakan kursus wajib dan menjadi syarat untuk bergraduasi. Kedudukan kursus ini dalam struktur pengajian sarjana muda menunjukkan kepentingannya dalam membentuk graduan sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun begitu, kursus Falsafah dan Isu Semasa ini perlu dilihat kesesuaian dan penerimaan pelajar terhadap subjek ini bagi membolehkan kelemahan diperbaiki dari aspek isi kandungan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan mahasiswa terhadap isi kandungan, pencapaian kemahiran insaniah dan aplikasi pengetahuan daripada kursus ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan menganalisis secara deskriptif mengenai maklum balas pelajar di Universiti Malaya terhadap kursus ini melalui edaran borang soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa, kursus dan isi kandungan atau silibus kursus FIS dapat diterima oleh sebahagian besar pelajar. Pencapaian atribut KKM pembelajaran sepanjang hayat oleh pelajar juga baik. Pelajar yang telah mengambil kursus ini juga dapat mengaplikasikan domain pemikiran dalam membincangkan isu semasa.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Mereka juga akan mengaplikasikan ilmu pengetahuan tentang falsafah di dalam bidang lain atau kehidupan seharian mereka.

Kata Kunci:

Falsafah Dan Isu Semasa, Kemahiran Insaniah, Pelajar, Penerimaan, Pengetahuan, UM

Abstract:

The Philosophy and Current Issues course offered at Universiti Malaya is a compulsory subject and a graduation requirement. Its position within the undergraduate curriculum highlights its significance in shaping graduates in alignment with the National Educational Philosophy. However, it is essential to evaluate the course's suitability and acceptance among students to identify and address potential weaknesses in its content and teaching methods. This study aims to assess students' acceptance of the course content, the development of soft skills, and the application of knowledge gained from the course. A quantitative research method was employed, involving a descriptive analysis of student feedback collected through questionnaires distributed at Universiti Malaya. The findings indicate that the majority of students positively received the Philosophy and Current Issues course, including its content and syllabus. The development of the lifelong learning attribute, as outlined in the Malaysian Qualification Framework (MQF), is also commendable. Additionally, students who completed the course demonstrated the ability to apply philosophical thinking in discussing current issues and integrating philosophical knowledge into other fields and daily life.

Keywords:

Philosophy And Current Issues, Soft Skills, Student, Acceptance, Knowledge, UM

Pengenalan

Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil. 14/201 pada 12 Jun 2019 telah memutuskan agar kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) serta kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ditawarkan kepada semua pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai kursus wajib (Jabatan Pengajian Tinggi, 2019). Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) telah ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bermula sesi pengambilan 2019/2020. Namun begitu, pelaksanaan penawaran kursus dilakukan secara berperingkat di seluruh negara bergantung kepada persediaan IPT tersebut. Di Universiti Malaya, kursus ini ditawarkan di Universiti Malaya bermula pada semester 2, sesi 2020/2021 (Buku Panduan CITrA, 2020/2021).

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri Bil. 14/201 tersebut, penawaran kursus ini bertujuan untuk memupuk penghayatan falsafah, nilai dan sejarah dalam kalangan pelajar IPT. Penawaran kedua-dua kursus ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Rukun Negara dan Objektif Strategik 2.4, Pelan Anti-rasuah Nasional 2019-2023 yang mengesyorkan penawaran kursus mata pelajaran wajib yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran (Jabatan Pengajian Tinggi, 2019). Sehubungan itu, berdasarkan isi kandungan kursus FIS ia adalah menepati

kehendak dan hasrat yang dinyatakan. Topik-topik yang terkandung dalam kursus ini merangkumi FPK, Rukun Negara, perkembangan disiplin ilmu falsafah serta ilmu falsafah teoritikal dan falsafah praktikal (Md. Naw, 2020). Md Soh, Mohd Sairi & Shafiq Ayob (2023) menjelaskan bahawa pelaksanaan kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) ini adalah untuk menyeimbangkan antara aspek akhlak dan ilmu dalam pelan pengajian tinggi bagi memupuk nilai dan etika serta identiti nasional dalam diri mahasiswa di Malaysia.

Secara keseluruhannya, kursus FIS adalah berlandaskan FPK kerana panduan utama pendidikan di Malaysia ialah berdasarkan kepada FPK. FPK digubal untuk memberi panduan atau arah tuju untuk menentukan haluan, asas dan inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan. Tidak dapat dinafikan terdapat ramai pelajar yang tidak menyedari kandungan dan kepentingan FPK dalam sistem pendidikan. Sedangkan ia menjelaskan acuan pelajar atau graduan yang bagaimana bakal dilahirkan daripada sistem pendidikan negara. Graduan atau individu yang seimbang dalam kesemua aspek, iaitu jasmani, rohani, emosi dan intelek akan menjadi warganegara yang memberi sumbangan besar kepada negara. Sebagai negara yang sedang membangun, aspek utama yang ditekankan oleh kerajaan ialah pembangunan modal insan. Pembangunan modal insan yang seimbang akan menjamin pembangunan sesebuah negara (Adnan et al., 2010).

Kerelevanan kursus FIS dapat dilihat dari segi peranannya dalam membentuk pemikiran kritis dan kesedaran sosial. Ia bukan sahaja memperkenalkan asas falsafah, tetapi juga mendorong mahasiswa untuk menganalisis dan memahami isu-isu semasa secara mendalam. Dalam era globalisasi dan ledakan maklumat, mahasiswa perlu memiliki kemampuan untuk menilai dan mentafsir pelbagai isu yang terkini. Kursus FIS membantu dalam pemikiran kritis. Ia membangunkan keupayaan untuk menganalisis dan menilai maklumat secara objektif, yang penting dalam menghadapi cabaran dunia moden. Perspektif kesedaran sosial pula memupuk pemahaman terhadap pelbagai isu sosial, politik dan ekonomi, serta implikasinya terhadap masyarakat. Begitu juga ia mengukuhkan identiti nasional dengan menekankan pemahaman mendalam tentang kepelbagaian budaya dan kepentingan toleransi (Jahidih, 2024). Jelaslah bahawa kursus FIS sarat dengan kemahiran insaniah yang cuba diterapkan dalam kalangan mahasiswa, maka ia dilihat kekal relevan dalam bidang pendidikan.

Isu semasa merujuk kepada permasalahan, perkembangan atau kejadian yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini dan memberi kesan langsung kepada pelbagai aspek kehidupan, seperti sosial, politik, ekonomi dan budaya (Shamsudin, 2021). Isu semasa bukan hanya bersifat kontemporari tetapi juga merangkumi peristiwa yang mencetuskan perbincangan, debat dan analisis dalam kalangan masyarakat. Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) bertujuan membentuk pemikiran kritis, rasional dan reflektif dalam memahami isu-isu semasa melalui pendekatan falsafah. Pendekatan falsafah membolehkan pelajar menganalisis isu berdasarkan prinsip etika, logik dan epistemologi, yang seterusnya membantu mereka memahami akar permasalahan dan implikasinya secara mendalam. Misalnya, dalam isu perubahan iklim, pelajar kursus FIS boleh mengaplikasikan teori utilitarianisme untuk menilai tindakan yang memberi manfaat kepada majoriti manusia sambil mempertimbangkan aspek tanggungjawab moral terhadap generasi akan datang.

Beberapa isu semasa yang dapat dijadikan topik untuk dibincangkan dalam kursus FIS antaranya ialah perubahan iklim. Ia merupakan isu global yang serius dengan peningkatan suhu bumi, pencairan ais di kutub dan kejadian cuaca ekstrem seperti banjir dan kemarau (Intergovernmental Panel on Climate Change [IPCC], 2023). Melalui falsafah, perubahan iklim

dapat dianalisis dari perspektif etika seperti tanggungjawab moral manusia terhadap alam sekitar. Teori deontologi, misalnya, menekankan kewajiban manusia untuk menjaga alam sekitar tanpa mengira faedah ekonomi jangka pendek. Isu ketidakkesamarataan pendapatan antara golongan kaya dan miskin menjadi isu semasa yang memberi kesan kepada kestabilan sosial (Piketty, 2020). Dalam konteks falsafah, perbincangan ini boleh dikaitkan dengan teori keadilan John Rawls yang menekankan pengagihan sumber secara adil bagi memastikan peluang yang sama kepada semua lapisan masyarakat.

Di peringkat tempatan, peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan belia Malaysia menjadi isu yang mendesak. Menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (2022), peningkatan tekanan sosial, tekanan akademik dan penggunaan media sosial yang berlebihan menyumbang kepada masalah ini. Dari perspektif falsafah, isu ini boleh dikaji melalui pendekatan eksistensialisme yang menekankan pencarian makna hidup dan autentisiti dalam menghadapi cabaran kehidupan. Rasuah adalah isu semasa yang memberi kesan negatif terhadap integriti dan pembangunan negara. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan peningkatan kes rasuah melibatkan sektor awam dan swasta (SPRM, 2023). Dari perspektif falsafah, rasuah mencabar prinsip etika yang menekankan keadilan dan integriti dalam pengurusan sumber awam. Isu semasa memerlukan pendekatan yang holistik untuk memahami punca, kesan, dan penyelesaian. Kursus Falsafah dan Isu Semasa membolehkan pelajar menganalisis isu-isu ini secara mendalam dengan menggunakan prinsip falsafah dan pemikiran kritis. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja mampu memahami isu dengan lebih baik tetapi juga dapat menyumbang kepada penyelesaian yang adil dan lestari.

Menurut Ramli (2018); Ramli 2020; Mamat dan Ramli (2021) serta Mamat, Ramli dan Abdullah (2022), dalam Teori Sosialisasi setiap tindakan seseorang adalah disebabkan oleh proses sosialisasi yang dilalui oleh setiap individu sepanjang hayatnya. Proses sosialisasi ini mempunyai dua faktor, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran ini merujuk kepada pengaruh agen sosialisasi seperti ibu bapa, sekolah, rakan sebaya, media serta dasar kerajaan. Manakala faktor dalaman pula merujuk kepada dimensi orientasi, iaitu kognitif, afektif dan penilaian (*evaluation*). Kognitif ini berkait dengan pengetahuan dan pemahaman. Dimensi afektif pula berkait dengan persepsi atau perasaan dan penilaian (*evaluation*) merujuk kepada penerimaan atau penolakan. Oleh sebab itu, tindakan seseorang berkait rapat dengan apa-apa yang diterima oleh mereka (Ramli, 2018; Mamat & Ramli, 2022). Dalam konteks kajian ini sekiranya mahasiswa menerima kursus FIS dengan baik maka mereka mudah mempraktikkan kandungan yang terdapat dalam kursus FIS dalam kehidupan mereka. Justeru elemen penerimaan ini boleh menentukan jalur pemikiran seseorang individu untuk bertindak selari atau sebaliknya dengan apa yang mereka pertimbangkan.

Justeru, pelaksanaan kursus FIS di IPT adalah sangat signifikan dan jika kursus seperti ini diabaikan, aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam membentuk insaniah dan sahsiah diri tidak dapat dicapai (Marinsah et al., 2022). Kandungan subjek ini boleh membentuk potensi diri secara menyeluruh melalui ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah. Penerimaan subjek seperti ini dalam kalangan pelajar amat penting. Melihatkan kepada kepentingan kursus FIS, maka kajian untuk melihat penerimaan pelajar terhadap kursus ini dilakukan. Ilmu pengetahuan daripada kursus ini juga perlu dikenal pasti keberkesannya dalam aspek kebolehan pelajar menggunakannya dalam melakukan analisis isu semasa atau persekitaran serta dalam kehidupan mereka selepas daripada mengikuti kursus ini.

Pernyataan Masalah

Terdapat kebimbangan dalam masyarakat terhadap pemikiran yang dilihat bersalahan dengan pegangan hidup masyarakat di Malaysia. Dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam, Baharuddin (2018) menjelaskan bahawa idea-idea dipakej dan diperlihatkan sebagai produk wacana keintelektualan yang mengundang kontroversi dan yang melemahkan imej serta perpaduan umat Islam. Idea-idea seperti ini sama ada melabelkan pemikiran sebagai “liberal” atau tidak, namun menjadi kekhuatiran apabila terhakisnya hakikat Islam yang sebenar apabila Islam cuba disekularkan, dimanusiakan, dirasionalkan, serta direlatifkan, sehingga hilang prinsip asas, hal-hal yang tetap, mutlak dan muktamad atau kekudusannya.

Bagi mengatasi kebimbangan dengan tersebarnya pemikiran-pemikiran yang tidak bersesuaian dengan masyarakat yang mempunyai pegangan agama dan budaya timur dengan menelusuri cabaran ideologi masa kini adalah amat penting melahirkan kelompok individu masyarakat yang mempunyai gaya fikir yang kreatif dan kritis. Hal ini dapat dipupuk melalui falsafah logik yang bermatlamatkan pembentukan struktur hujah untuk berfikir dengan benar dan lebih jelas. Ia amat penting dalam kegunaan seharian apatah lagi dalam pengimplementasian proses kajian atau penyelidikan (Mohd Azhar & Ismail, 2021). Justeru, ilmu falsafah boleh menjadi penangkis pemikiran untuk generasi muda yang perlu berhadapan dengan cabaran pemikiran dan ideologi dari seluruh pelusuk dunia.

Melihatkan kepada kemampuan pengetahuan ilmu falsafah dalam membentuk pemikiran para pelajar masa kini maka kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dirangka dan dibentuk berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang tertakluk dengan Malaysian Qualifications Agency (MQA) Act, 2007 yang mana ia “...has a key role within these complex arrangements, i.e. to set qualification standards for all qualifications in the higher education and training sectors.” (Malaysian Qualifications Agency, 2007). Kursus ini dibentuk bukan secara sewenang-wenangnya tanpa asas dan perancangan tetapi mempunyai isi kandungan yang sarat dengan ilmu falsafah dan hasil pembelajaran yang perlu dicapai sejajar dengan hasrat dan tujuan kursus ini diperkenalkan. Tujuan mempelajari kursus FIS ini bukan untuk mempelajari falsafah demi falsafah sendiri tetapi ia adalah pembelajaran falsafah dengan tujuan untuk lebih memahami keluasan skop dan konteks isu semasa. Justeru generasi kini yang mendepani cabaran yang sukar, natijah daripada kemajuan teknologi serta penularan maklumat melalui media atas talian menjadikan ilmu logik seperti mana yang terkandung dalam silibus kursus FIS menjadi benteng ketahanan jati diri setiap mahasiswa (Ab Hamid et al., 2023).

Dalam aspek pelaksanaan PdP di setiap universiti berbeza mengikut kaedah masing-masing walaupun pada asasnya mempunyai persamaan. Kandungan FIS sahaja mempunyai persamaan namun tugas yang diberikan kepada pelajar berbeza bagi setiap universiti kerana hanya aspek penilaian sahaja telah ditetapkan atau mempunyai persamaan. Justeru kajian dalam aspek penerimaan pelajar terhadap kursus FIS sangat signifikan dalam memberi nilai tambah dalam penyelidikan kursus MPU di universiti di Malaysia.

Kajian Literatur

Bagi memulakan perbincangan dalam kajian lepas ini, perkara utama yang ingin disentuh adalah mengenai FPK. Husein (2018) yang membincangkan FPK dan sistem pengurusan pendidikan Malaysia dilihat masih belum mampu membentuk negara bangsa dan masyarakat sejahtera sebagaimana mengikut *International Standard*. Fungsi FPK ditentukan dengan meneliti pembentukan diri individu secara holistik atau komprehensif. Menurut beliau, fungsi FPK belum tercapai sepenuhnya. Oleh itu, perlu disasarkan terhadap kurikulum sekolah dan

IPT. Pendekatan pengajaran-pembelajaran perlu secara eksperiensial dan inkuiri, bukan hanya kepada kandungan akademik. Pendekatan ini penting di semua peringkat, lebih-lebih lagi di peringkat kolej dan universiti. Beliau juga menyentuh tentang kerelevanan FPK tetapi didapati masih ketinggalan. Beliau berpendapat mungkin penerapan konsep kewarganegaraan *Athenian* yang mengutamakan semangat dan komitmen tinggi pada nilai patriotik, kualiti dan integriti kerja dalam proses pembinaan negara bangsa seperti orang Sweden, Norway, Jerman, Jepun, dan Korea Selatan boleh dijadikan contoh.

Ilmu falsafah menekankan kepada pemahaman cabang falsafah yang pelbagai antaranya ialah logik. Falsafah logik perlu difahami oleh pelajar untuk membolehkan mereka mengenal pasti keabsahan teori dan maklumat yang diperoleh dalam apa-apa penyelidikan. Oleh sebab itu, perlu ada kajian yang mendalami falsafah logik untuk digunakan oleh pelajar. Kajian Mohd Azhar dan Ismail (2021) melihat sejarah perkembangan falsafah logik gagasan Aristotle yang bermula sebelum kelahiran beliau sehinggalah pengaruh beliau tersebar masuk ke dunia Islam melalui aktiviti dan gerakan penterjemahan serta meninjau reaksi para intelek Muslim berdasarkan beberapa klasifikasi disiplin ilmu Islam. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat beberapa tokoh atau aliran yang bersikap terbuka dan mesra dengan falsafah logik Aristotle, tetapi ada juga yang menentang keras terhadapnya. Pengkaji juga turut menyentuh beberapa hujah sokongan dan kritikan yang dikemukakan ketika mana para cendekiawan berinteraksi dengan ilmu mantik. Sikap, reaksi dan kaedah interaksi mereka perlu difahami, ditekuni dan dinilai, seterusnya diadun dengan situasi masa kini dalam usaha pembinaan wacana keilmuan dunia Islam yang lebih mekar. Kajian ini membantu pelajar untuk lebih memahami perkembangan ilmu logik dan persamaan serta perbezaan pemikiran logik dari dunia barat dan Islam.

Manakala kajian-kajian yang seterusnya melihat kepada pelaksanaan dan penerimaan pelajar terhadap kursus FIS di IPT. Kajian berkaitan penerimaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap kursus FIS telah dijalankan oleh Abdul Latiff, Mohd Mokhtar & Mohad (2020). Kajian ini dijalankan bagi melihat pandangan dan penerimaan pelajar tahun satu yang berada di semester dua sesi pengajian 2019/2020. Fokus kajian adalah ke atas pelajar yang telah mengambil kursus FIS. Kaedah kajian adalah secara kuantitatif dengan tujuan untuk mengutip data berkenaan demografi dan persepsi pelajar terhadap kursus tersebut. Seramai 526 pelajar menyumbang kepada dapatan kajian ini. Hasil kajian ini mendapati penerimaan pelajar terhadap kursus FIS adalah baik dan respon mereka adalah positif. Kursus FIS juga didapati telah menambah aktiviti berfikir dalam kalangan pelajar melalui tugas yang diberi kepada pelajar. Tugas atau aktiviti tersebut adalah kajian kes dan analisis video. Kajian oleh Marinsah et al. (2021) yang melakukan analisis elemen-elemen pembentukan pemikiran kritis dalam modul FIS di UMS. Hasil kajian tersebut mendapati, wujudnya beberapa elemen kemahiran dan sub kemahiran yang mampu menyumbang ke arah pembentukan dan penerapan pemikiran kritis dalam modul FIS. Modul FIS yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) didapati mampu menerapkan elemen kemahiran yang terkandung kepada para pelajar. Kajian ini membantu penyelidik melihat respon pelajar di IPT lain kerana tumpuan kajian adalah kepada isi kandungan modul dan perancangan dalam penyampaian kursus tersebut kepada pelajar.

Di samping itu, kajian Sabilan et al. (2018) pula menyentuh tentang FPK. Kajian tersebut bertujuan menilai tahap penghayatan nilai falsafah pendidikan dari sudut input dalam kalangan guru pelatih di UNISEL. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi menghurai aspek input, aktiviti dan hasil. Sampel kajian adalah terdiri

daripada 158 orang guru pelatih jurusan diploma perguruan dari UNISEL. Dapatan kajian berdasarkan penilaian tahap input pengetahuan tentang konsep FPK adalah tinggi. Manakala sumber atau bahan-bahan kurikulum yang diadakan berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian mengenai kandungan kurikulum yang disediakan dan sistem pelaksanaannya oleh pihak UNISEL berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian berdasarkan tahap input kemahiran pensyarah dalam menyampaikan maklumat pengajaran berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian ini dapat menunjukkan pengetahuan dalam kalangan guru pelatih di institusi latihan perguruan terhadap FPK dan seterusnya dijadikan perbandingan dengan dapatan kajian dalam kalangan pelajar UM. Penyediaan bahan pengajaran yang relevan dengan kandungan kursus adalah penting kerana ini menentukan transformasi yang berlaku kepada pelajar. Mezirow (1991) dalam Teori Pendidikan Transformasi (*Transformative Learning Theory*) menjelaskan mengenai transformasi atau perubahan dalam perspektif seseorang melalui proses pembelajaran yang mendalam. Kursus FIS yang membincangkan isu-isu semasa dapat membantu pelajar mengubah cara mereka melihat dunia dan dari segi aplikasi kursus FIS mampu mengubah perspektif mahasiswa tentang isu-isu semasa dan nilai etika.

Selain itu, terdapat juga kajian lain meneliti elemen kemahiran insaniah dalam kursus teras termasuk kursus FIS. Kursus teras seperti kursus FIS ini menerapkan elemen kemahiran insaniah dalam pelaksanaan PdP terutama dalam proses tugas kerja berkumpulan. Namun begitu, Esa et al. (2021b), mendapati elemen kepimpinan dalam kursus ini masih kurang memuaskan dan kurang diberi perhatian oleh para pensyarah. Kegagalan menerapkan kemahiran insaniah ini boleh memberi kesan kepada pembinaan jadi diri mahasiswa yang holistik dan berdaya saing.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menganalisis secara deskriptif penerimaan pelajar Universiti Malaya terhadap kursus ini dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah penyelidikan deskriptif bukan eksperimental dapat mengumpul data berhubung fenomena yang tidak dapat dilihat secara langsung (Kaprawi, 2010). Mohd Noah (2002) menjelaskan bahawa reka bentuk penyelidikan secara deskriptif adalah kajian yang dijalankan dengan tujuan memberi penerangan yang sistematik berkaitan fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati dengan fakta yang tepat. Pengkaji memilih reka bentuk tinjauan (*survey*) untuk meninjau dan mengumpul maklumat berkaitan penerimaan, kemahiran insaniah dan tahap aplikasi pelajar dalam kursus FIS. Soal selidik dibangunkan bertujuan untuk mengkaji penerimaan kursus universiti, iaitu Falsafah dan Isu Semasa terhadap pelajar Universiti Malaya.

Dapatan Kajian

Kajian soal selidik ini memperolehi seramai 1, 371 responden yang terdiri daripada pelajar UM tahun 1, 2 dan 3 pada semester 2, sesi pengajian 2020/2021 yang telah mengambil kursus FIS berkaitan penerimaan mereka terhadap kursus baharu ini.

Jadual 1: Tahap Pengajian Responden

Tahap Pengajian	Kekerapan	Peratus
1	1331	97.1
2	32	2.3
3	8	0.6
4	0	0

Jumlah responden daripada tahun 1 adalah seramai 1,331 atau 97.1 peratus manakala selebihnya adalah daripada tahun 2, iaitu seramai 32 atau 2.3 peratus dan tahun 3 seramai 8 atau 0.6 peratus sahaja. Pelajar daripada tahun 1 adalah lebih ramai kerana kursus ini wajib diambil dan keutamaan penawaran kursus ini adalah untuk pelajar tahun 1. Bagi pelajar daripada tahun 2 dan 3 yang baharu mengambil kursus ini pula adalah disebabkan mereka sendiri tidak mahu mengambilnya pada tahun pertama pengajian atau disebabkan oleh kapasiti kursus FIS telah penuh atau mendapat gred C- dan ke bawah dalam kursus FIS yang pernah diambil sebelum ini. Namun, jumlah pelajar yang keciciran ini tidak ramai pada setiap semester, iaitu lebih kurang 2 atau 3 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan.

Jadual 2: Fakulti Pengajian Responden

Fakulti	Kekerapan	Peratus
Akademi Pengajian Melayu	58	4.2
Fakulti Alam Bina	122	8.9
Fakulti Bahasa dan Linguistik	15	1.1
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran	15	1.1
Fakulti Kejuruteraan	203	14.8
Fakulti Pendidikan	12	0.9
Fakulti Pergigian	30	2.2
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	11	0.8
Fakulti Perubatan	38	2.8
Fakulti Sains	419	30.6
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi	45	29.2
Fakulti Undang-undang	60	4.4
Pusat Kebudayaan	17	1.2
Pusat Sukan dan Sains Eksesais	42	3.1
Fakulti Sastera dan Sains Sosial	225	16.4
Fakulti Farmasi	34	2.5
Jumlah	1 371	100

Berdasarkan Jadual 2, pelajar yang mengambil kursus FIS bagi semester 2, sesi 2020/2021 terdiri daripada aliran Sastera dan Sains. Sebagaimana yang dipaparkan pada jadual di atas responden yang paling ramai adalah daripada Fakulti Sains, iaitu seramai 419 atau 30.6 peratus. Diikuti oleh pelajar daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial seramai 225 atau 16.4 peratus dan Fakulti Kejuruteraan seramai 203 pelajar atau 14.8 peratus. Selebihnya adalah daripada Fakulti Pengajian Melayu, Fakulti Alam Bina dan lain-lain.

Jadual 3: Etnik Responden

Etnik	Kekerapan	Peratus
Melayu	751	54.8
Cina	481	35.1
India	71	5.2
Bumiputera Sabah/Sarawak/Orang Asli	61	4.4
Lain-lain	7	0.5
Jumlah	1371	100

Berdasarkan kepada jadual 3, menunjukkan bahawa responden yang paling ramai mengambil kursus FIS terdiri daripada etnik Melayu, iaitu seramai 751 atau 54.8 peratus. Diikuti oleh etnik Cina seramai 481 atau 35.1 peratus dan selebihnya terdiri daripada etnik India, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Orang Asal dan sebagainya. Keadaan ini menunjukkan bahawa pecahan responden mengikut etnik yang mengambil kursus ini bersesuaian dengan pecahan demografi penduduk di Malaysia.

Perkataan “falsafah”, biasanya menyebabkan ramai pelajar mengeluh tidak faham, bosan dan sebagainya. Bagi mengatasi keluhan ini, Jawatankuasa Kursus Falsafah dan Isu Semasa di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku bagi membantu memudahkan pelajar memahami konsep-konsep asas falsafah (Muhammad, 2022). Dalam kajian ini, kepentingan kursus FIS dilihat dari perspektif responden atau pelajar sebagai penerimaan mereka kepada kursus FIS. Secara umum, boleh dikatakan pelajar yang masih belum mengikuti kursus FIS akan berpandangan bahawa kursus ini tidak memberi manfaat kepada mereka. Sejauh mana penerimaan responden berubah setelah mengikuti kursus ini cuba dikenal pasti melalui kajian ini juga.

Jadual 4: Penerimaan Kursus FIS

Skala	Kekerapan	Peratus
1. Sangat Setuju	645	47
2. Setuju	560	40.8
3. Tidak Pasti	153	11.2
4. Tidak Setuju	10	0.7
5. Sangat Tidak setuju	3	0.2

Dari segi penerimaan kursus FIS untuk dipelajari menunjukkan sebahagian besar responden bersetuju bahawa kursus ini penting kepada diri mereka. Seramai 645 atau 47 peratus responden menyatakan sangat setuju dan seramai 560 atau 40.8 peratus setuju bahawa kursus FIS ini diterima untuk dipelajari. Namun begitu, terdapat juga seramai 153 atau 11.2 peratus responden memilih tidak pasti sama ada kursus ini diterima atau sebaliknya untuk dipelajari oleh mereka. Hanya 3 atau 0.9 peratus responden memilih pilihan tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa kursus ini diterima dan penting untuk dipelajari. Keadaan ini memperlihatkan bahawa kursus PEP ini tidak hanya dirasakan penting atau diterima oleh pelajar dalam bidang sains sosial sahaja tetapi meliputi pelajar pelbagai bidang pengajian sama ada dalam bidang sains atau teknologi.

Penerimaan kursus FIS ini berkait rapat dengan kefahaman pelajar tentang kepentingan subjek ini terhadap kehidupan mereka. Sebahagian pelajar hanya menganggap subjek yang berkait rapat dengan bidang pilihan masing-masing sahaja penting kepada mereka. Namun sekiranya subjek seperti FIS ini berjaya difahamkan kepada pelajar bahawa subjek ini bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan baharu namun mampu membentuk jati diri serta kesedaran terhadap tanggungjawab kepada negara maka kemahuan mereka untuk mempelajari berlandaskan kesedaran lebih baik. Hal ini penting kerana matlamat Falsafah Pendidikan Negara bukan sahaja menyediakan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran tertentu sahaja namun pelajar yang holistik serta berpegang kepada nilai patriotisme.

Selain itu, silibus kursus FIS terdiri daripada sembilan topik yang meliputi Pengenalan Ilmu falsafah, Falsafah dalam Kehidupan, Logik dan Falsafah, Falasi dalam Berfikir, Psikologi dan Sosiologi (Konsep Insan I), Metafizik (Konsep Insan II), Epistemologi, Ideologi dan Dekolonisasi (Md Naw, 2020). Tajuk dalam kursus ini tidaklah terlalu ringan atau tidak terlalu berat. Namun sejauh mana topik ini diterima oleh pelajar masih menimbulkan persoalan. Justeru dapatan ini dapat memberi gambaran awal terhadap topik dalam kursus FIS ini. Berikut merupakan dapatan tentang pendapat pelajar terhadap penerimaan isi kandungan kursus FIS ini.

Jadual 5: Penerimaan Isi Kandungan Kursus FIS

Skala	Kekerapan	Peratus
1. Sangat setuju	602	43.9
2. Setuju	586	42.7
3. Tidak Pasti	167	12.2
4. Tidak setuju	11	0.8
5. Sangat tidak setuju	5	0.4

Jadual 5 di atas menunjukkan sebahagian besar responden berpendapat kursus FIS adalah menarik, iaitu seramai 602 peratus atau 43.9 peratus. Seramai 586 atau 42.7 peratus lagi responden bersetuju. Manakala 167 atau 12.2 peratus kurang pasti, seramai 11 atau 0.8 peratus lagi responden tidak setuju dan seramai 5 atau 0.4 peratus sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa isi kandungan kursus FIS adalah menarik. Keadaan ini menggambarkan proses PdP yang dilakukan oleh pensyarah berjaya menarik minat pelajar walaupun kandungan dalam subjek ini sarat dengan agenda pembinaan bangsa.

Jadual 6: Topik Pilihan Pelajar

Topik	Kekerapan	Peratus
Pengenalan Ilmu Falsafah	139	10.1
Falsafah	281	20.5
Logik dan Metodologi	170	12.4
Psikologi dan Sosiologi	417	30.4
Metafizik	125	9.1
Epistemologi	47	3.4
Ideologi	143	10.4
Dekolonisasi	46	3.4
Semua Topik	3	0.22
Jumlah	1371	100

Berdasarkan topik-topik yang dinyatakan di atas, responden diminta untuk mengenal pasti topik yang paling diminati atau disukai semasa proses PdP. Topik Psikologi dan Sosiologi menjadi topik yang paling diminati iaitu seramai 417 atau 30.4 peratus responden memilihnya. Secara dasarnya, topik Psikologi dan Sosiologi ini membincangkan konsep insan atau manusia dalam wacana pemikiran falsafah moden di barat dan falsafah timur (falsafah Islam, falsafah Hindu dan falsafah Buddha). Topik ini juga mengajak mahasiswa berfikir dengan kritis bahawa tujuan mempelajari falsafah insan adalah untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup (Marinsah et al., 2021). Oleh itu, topik ini lebih diminati oleh ramai responden kerana isi kandungannya adalah untuk memahami lebih dekat mengenai diri mereka sendiri.

Bagi yang menyukai topik selain daripada Psikologi dan Sosiologi, didapati seramai 281 atau 20.5 peratus responden menyukai topik Falsafah. Topik ini adalah bersamaan dengan nama topik Falsafah dalam Kehidupan. Seterusnya, topik Logik dan Metodologi disukai oleh 170 atau 12.4 peratus responden. Manakala seramai 143 atau 10.4 peratus responden menyukai topik Ideologi. Seramai 139 atau 10.1 peratus responden menyukai topik Pengenalan Ilmu Falsafah dan diikuti oleh topik Metafizik yang disukai oleh 125 atau 9.1 peratus responden.

Bagi kemahiran insaniah Atribut KKM Pembelajaran Sepanjang Hayat, responden diajukan berkaitan minat untuk mendalami pengetahuan mengenai ilmu falsafah. Berikut adalah berkaitan dengan kemahiran insaniah atribut KKM pembelajaran sepanjang hayat.

Jadual 7. Kemahiran Insaniah Atribut KKM Pembelajaran Sepanjang Hayat

Skala	Kekerapan	Peratus
1. Sangat Setuju	418	30.7
2. Setuju	557	40.9
3. Tidak Pasti	337	24.7
4. Tidak Setuju	43	3.2
5. Sangat Tidak Setuju	7	0.5

Seramai 418 atau 30.7 peratus responden menyatakan sangat bersetuju terhadap minat untuk mendalami pengetahuan mengenai ilmu falsafah. Diikuti oleh seramai 557 atau 40.9 peratus responden yang menyatakan setuju. Bagi responden yang kurang pasti pula adalah seramai 337 atau 24.7 peratus, Manakala seramai 43 atau 3.2 peratus responden tidak bersetuju untuk mendalami ilmu falsafah dan seramai 7 atau 0.5 peratus responden sangat tidak berminat untuk mendalami ilmu falsafah.

Soalan yang diajukan dan jadual 8 serta 9 berikutnya adalah berkaitan dengan tahap aplikasi ilmu falsafah yang dipelajari, iaitu penggunaannya dalam melakukan analisis isu semasa dan seterusnya pada bidang ilmu-ilmu lain.

Jadual 8: Penggunaan Domain-Domain Aliran Pemikiran/Falsafah Untuk Menganalisis

Skala	Isu Semasa	
	Kekerapan	Peratus
1. Sangat Setuju	594	43.3
2. Setuju	591	43.1
3. Tidak Pasti	168	12.3
4. Tidak setuju	15	1.1
5. Sangat tidak setuju	3	0.2

Seramai 594 atau 43.3 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat menggunakan domain-domain aliran pemikiran/falsafah untuk menganalisis isu semasa. Begitu juga dengan sejumlah 591 atau 43.1 peratus responden lagi yang setuju dengan pernyataan tersebut. Namun, terdapat seramai 168 atau 12.3 peratus responden agak setuju dan diikuti oleh 15 atau 1.1 peratus responden lagi tidak dapat menggunakan aliran pemikiran dalam menganalisis isu semasa. Perhatikan kepada kekerapan dan peratusan yang tinggi ke atas kemampuan responden menggunakan domain-domain aliran pemikiran/falsafah untuk menganalisis memberikan kelegaan kepada para pensyarah kerana salah satu matlamat kursus FIS adalah membina pemikiran pelajar supaya dapat menilai dan menghujah isu-isu semasa

secara kritis, logik, rasional dan sistematik (Muhammad, 2022). Keadaan ini merupakan satu kayu ukur yang penting bagi membuktikan keberkesanan pelaksanaan kursus ini di Universiti Malaya.

Jadual 9, pula menunjukkan aplikasi pengetahuan ilmu falsafah dalam bidang lain atau kehidupan, iaitu berdasarkan pernyataan “Saya akan menggunakan pengetahuan daripada kursus ini dalam bidang lain atau kehidupan”.

Jadual 9. Penggunaan Pengetahuan Dalam Kursus PEP Dalam Bidang Lain/Kehidupan

Skala	Kekerapan	Peratus
1. Sangat Setuju	582	42.5
2. Setuju	600	43.8
3. Tidak Pasti	174	12.7
4. Tidak setuju	11	0.8
5. Sangat tidak setuju	4	0.3

Didapati kekerapan atau peratusan yang tinggi dalam kalangan responden menyatakan akan menggunakan pengetahuan ini ke dalam bidang lain atau kehidupan, iaitu seramai 582 atau 42.5 peratus yang sangat bersetuju dan seramai 600 atau 43.8 peratus lagi bersetuju. Bagi yang memilih jawapan tidak pasti terdiri daripada 174 atau 12.7 peratus responden. 11 atau 0.8 peratus responden didapati tidak setuju dan seramai 4 atau 0.3 peratus responden memilih jawapan sangat tidak bersetuju.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden atau pelajar, iaitu melebihi 50 peratus dapat menerima dengan baik kursus FIS. Isi kandungan kursus telah menarik minat pelajar untuk meluaskan lagi ilmu falsafah dan menggunakannya dalam melakukan analisis isu semasa serta bidang lain. Justeru, pelajar memberi maklum balas yang positif dalam kemahiran insaniah pembelajaran sepanjang hayat kerana ilmu falsafah yang dipelajari mendorong mereka untuk terus meneroka ilmu ini seterusnya akan mengaplikasikannya dalam bidang lain serta kehidupan mereka. Keadaan ini perlu diberi penghargaan kepada para pensyarah yang berjaya membumikan kesedaran kepentingan subjek FIS dalam diri pelajar sehingga mereka berminat untuk belajar dan sedar kepentingan subjek ini kepada kehidupan mereka.

Namun begitu, kajian yang mendalam perlu dilakukan bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dari segi silibus dan pelaksanaan kursus ini di Universiti Malaya. Hal ini disebabkan masih terdapat pelajar yang menyatakan tidak berminat dan melihat kursus ini tidak penting. Walaupun jumlah pelajar yang menyatakan sedemikian adalah kecil tetapi dikhuatiri kelemahan-kelemahan ini akan memberi kesan pada masa hadapan dan mempengaruhi sebahagian pelajar yang mengikut kursus ini. Kelemahan ini bukan sahaja disandarkan kepada kandungan subjek FIS ini semata-mata tetapi perlu dilihat dalam aspek proses PdP kerana minat dan kefahaman pelajar boleh turut berkait rapat dengan kaedah PdP, persekitaran bilik kuliah, waktu kelas dan perkara-perkara lain yang tidak boleh dikesampingkan.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Malaya dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah kerana memberi ruang dan peluang menjalankan kajian ini di lapangan kajian.

Rujukan

- Ab Hamid, N., Mohammed Zabidi, M., Hashim, S. N. I., & Abd Wahab, N. A. (2023). Penerapan Ilmu Logik Dalam Kursus Falsafah dan Isu Semasa: Kepentingannya Terhadap Mahasiswa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 8(52). 93-103.
- Abdul Latiff, L., Mohd Mokhtar, R. A., & Mohad, A. H. (2020). Penerimaan Pelajar USIM terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif. *e-proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)*. Universiti Sains Islam Malaysia. 15 Oktober 2020. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6839>
- Abdullah, S. R., Fazial, F., Mat Hassan, S. H., Yahaya, S., & Hamid, C. K. (2022). Keberkesanan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Memupuk Kesepaduan Kaum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 571-582.
- Adnan, M. F., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). *Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. core.ac.uk/reader/11790042
- Baharuddin, A. (2018). Islam Liberalisasi: Isu, Ancaman, Cabaran Dan Usaha Membendungnya - Pengalaman Malaysia. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) bagi MABIMS kali ke-43 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali ke-18. Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam. 12 November 2018.
- Buku Panduan CITrA, Semester 2, Sesi 2020-2021. (2020). Universiti Malaya. Retrieved from citra.um.edu.my
- Esa, M. S., Abang Muis, A. M. R., Ationg, R., Othman, I. W., Lukin, S. A., Mokhtar, S., & Sharif Adam, S. D. (2021a). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PedP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 57-67.
- Esa, M. S., Ationg, R., Ibarahim, M.A., Abang Muis, A. M. R., Zulhaimi, N. A., & Muda, N. (2021b). Elemen Kepimpinan Dalam Kursus Teras Universiti: Kajian Kes Dalam Kelangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38). 18-29.
- Hussin, S. (2018). Kejayaan dan Impak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Membentuk Pendidikan di Malaysia. Seminar Pendidikan Berasaskan Nilai 2018. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). 15-16 November 2018.
- Intergovernmental Panel on Climate Change. (2023). *Sixth assessment report*. Retrieved from <https://www.ipcc.ch>
- Jabatan Pengajian Tinggi. (2019). *Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa dan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pengajian Tinggi Swasta*. <https://jpt.mohe.gov.my>
- Jahidih, S. (2024). Kursus falsafah dan isu semasa sebagai alat pembinaan identiti nasional: Satu analisis literatur. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 16(1), 88-103.
- Kaprawi, N. (2010). *Kajian tinjauan secara kuantitatif*. Dlm. Noraini Idris (Pnyt.). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw Hill Education.
- Kassim, F., Mat Noor, N. A., Abdul Azzis, M. S., Irene Yong S. C., Ramli, M. R & Hanafi, F. (2023). Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus

- Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya. *Jurnal Sains Insani*, 8(1), 15-24.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). *Laporan kesihatan mental 2022*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Mamat, M., & Ramli, M. R. & Abdullah, A. H. (2022). The Influences of Mass Media on the Involvement of Malay Students in Public Universities. *Journal of Administrative Science*, 19(2), 193-214.
- Mamat, M., & Ramli, M. R. (2021). Kecenderungan Politik Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU-14: Suatu Pemerhatian Kritikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(3), 273-286.
- Mamat, M., & Ramli, M. R. (2022). Peranan Agen Sosialisasi Ibu Bapa Terhadap Pengetahuan Politik Mahasiswa Melayu di Universiti Awam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 33-43.
- Marinsah, S. A., Abang Muis, A. M. R., Esa, M. S., Othman, I. W., Ramlie, H. @ A., Mokhtar, S., & Yusoff, M. S. (2021). Pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam membentuk pemikiran kritis: Penelitian terhadap modul kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 137-149.
- Marinsah, S. A., Ramlie, H. @ A., Hajimin, M. N. H. H., & Othman, I. W. (2022). Signifikan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam pembentukan akhlak dan moral di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7, 127-136.
- Md Nawi, N. H. (2020). *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Penerbit UMK.
- Md Soh, N. S., Mohd Sairi, F., & Shafiq Ayob, M. A. (2023). Nilai Murni Dalam Modul Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 7(1), 66-78.
- Mezirow, J. (1991). *Transformative dimensions of adult learning*. Jossey-Bass.
- Mohamad Zin, S. A., Hamzah, I. S., Sarifin, M. R., Ramli, A. F., & Md Zain, M. F. (2022). Pendidikan Karakter Berdasarkan Aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Pembentukan Kepimpinan Dalam Kalangan Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(47), 563-577.
- Mohd Azhar, M. H., & Ismail, K. (2021). Falsafah Logik Aristotle: Implikasi, Reaksi Dan Interaksi Terhadapnya Dalam Dunia Keintelektualan Islam. *MANU*, 32(1): 93-124.
- Mohd Noah, S. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis: Sebuah Buku Mesra Pengguna*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, A. (2022). *Modul Falsafah dan Isu Semasa*. Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI).
- Paul, R., & Elder, L. (2002). *Critical thinking: Tools for taking charge of your professional and personal life*. Pearson.
- Piketty, T. (2020). *Capital and ideology*. Harvard University Press.
- Ramli, M. R. (2018). Nilai dan Pengamalan Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Sabah di Malaysia. [Tesis PhD tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Ramli, M. R., Abdullah, M. S., Samsi, A. H., & Abdul Azzis, M. S. (2020). Pengetahuan dan Pengamalan Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Peribumi di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 81-100.
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations* (5th ed.). Free Press.
- Sabilan, S., Mohamed Lip, S., Ishak, M. F., Sulaiman, S. H., Zdainal Abidin, S., & Tarimin, M. (2017). Tahap Penghayatan Nilai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari Sudut Input dalam Kalangan Guru Pelatih Universiti Selangor (UNISEL). 3rd International

Seminar on Tarbiyah (3rd IsoT) 2017. Fakulti Pendidikan KUIS dan IAIN Bukit Tinggi dengan kerjasama KUISCELL. 10 November 2017.

Samsi, A. H. & Magiman, M. (2023). The Role of Society as a Socialization Agent in Influencing Youth Engagement in the Electoral Process in Malaysia. *International Journal*, 10(4), 2233-2239.

Samsi, A. H. (2014). Penglibatan Belia Dalam Politik di Selangor. [*Tesis Master tidak diterbitkan*]. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Samsi, A. H., Ab Rahman, A. & Ku Samsu, K. H. (2013). The Motivating Factors of Malaysian Youths Political Participation: An Overview. *Elixir Social Sciences*, 62, 17783-17787.

Shamsudin, A. (2021). Definisi isu semasa dan impaknya kepada masyarakat. *Jurnal Isu Kontemporari*, 12(2), 45-58.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2023). *Laporan tahunan SPRM 2023*. Retrieved from <https://www.sprm.gov.my>